

BH 18 JUL 2004 Pas akui usaha Dr Mahathir beri manfaat

TASIK KENYIR, Selasa – Pas mengakui perubahan yang dilakukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 20 tahun menjadi Perdana Menteri, banyak memanfaatkan rakyat negara ini.

Timbalan Presidennya, Abdul Hadi Awang, berkata Pas juga mendapat manfaat daripada dasar itu termasuk tumpuan kerajaan terhadap kemajuan teknologi maklumat (IT).

“Pas tidak menafikan perubahan yang dilakukan itu memberi manfaat kepada rakyat. Namun, walaupun amalan demokrasi sudah ber-

jalan lebih 40 tahun, kebebasan bersuara tidak dijalankan sepenuhnya,” katanya kepada pemberita selepas melawat projek Syarikat Air Terengganu di Tasik Kenyir, hari ini.

Abdul Hadi berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada beliau berpuas hati dengan prestasi Dr Mahathir selama 20 tahun menjadi Perdana Menteri.

Mengenai kedudukan sebagai sebuah negara Islam, Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, masyarakat bukan Islam menerima baik penjelasan Pas me-

ngenai perkara itu.

Katanya, masyarakat Cina boleh menerima pelaksanaan Islam berbanding mereka yang berpelajaran di Barat.

“Saya pernah menghadiri dialog anjuran DAP dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan), dan mereka tidak menentang pelaksanaan Islam di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata, Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh juga sudah jelas mengenai pembentukan negara Islam tetapi hanya media massa yang tidak faham.